

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : SOALAN BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**  
**KAWASAN : SERDANG**  
**TARIKH : 5 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 291**

**SOALAN**

Meminta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan statistik mengenai import/eksport arang batu dari tahun 2013 hingga terkini:

- a) Jumlah arang batu (dalam nilai mata wang RM dan unit berat ton) yang diimport ke Malaysia mengikut negara punca pengeluaran dan mengikut pecahan kegunaan (sama ada sektor jana kuasa – industri dan komersil); dan
- b) Jumlah arang batu (dalam nilai mata wang RM dan unit berat ton) yang dieksport keluar dari Malaysia mengikut negara destinasi pembeli dan sama ada Malaysia masih mempunyai hubungan perdagangan dengan Korea Utara dari segi import/eksport arang batu.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2013 hingga 2016, jumlah pengimportan arang batu adalah sebanyak 88.6 bilion tan bersamaan RM22.02 bilion. Empat negara sumber utama pengimportan arang batu ke Malaysia adalah dari negara Indonesia, Australia, Afrika Selatan dan Rusia.

Ringkasan import arang batu dari 2013 hingga 2016 dalam bentuk nilai dan kuantiti adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Kuantiti (bilion tan)</b>	<b>Nilai Import (RM bilion)</b>
2013	23.0	5.84
2014	21.3	5.13
2015	20.1	5.11
2016	24.2	5.94

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017 pula, jumlah pengimportan yang dicatatkan iaitu 19.4 bilion tan bersamaan RM5.9 bilion. Pengimport utama arang batu masih kekal dari negara Indonesia iaitu sebanyak 11.1 bilion tan bersamaan RM3.02 bilion.

Pengimport tunggal arang baru untuk sektor penjanaan tenaga elektrik di Malaysia ialah TNB Fuel Sdn. Bhd. Bagi tempoh 2013-2016, sejumlah 90.4 juta tan dengan nilai RM20.5 bilion telah diimport. Pecahan adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Kuantiti (juta tan)</b>	<b>Nilai (RM bilion)</b>
2013	20.5	4.78
2014	20.9	4.45
2015	24.3	5.53
2016	24.7	5.70

Sumber: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA)

Jumlah eksport arang batu dari Malaysia bagi tempoh 2013 hingga 2016 adalah sebanyak 1.46 bilion tan bersamaan RM261.4 juta. Pecahan adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Kuantiti (juta tan)</b>	<b>Nilai Eksport (RM juta)</b>
2013	531.0	101.13
2014	321.0	58.10
2015	234.7	36.38
2016	377.0	65.80

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017 pula, eksport Malaysia mencatatkan jumlah 437.3 juta tan bersamaan RM120.2 juta. Destinasi utama eksport arang batu dari Malaysia adalah ke negara Viet Nam dan China.

Berhubung perdagangan arang batu di antara Malaysia dan Korea Utara, negara ini tidak mengeksport arang batu ke Korea Utara dalam tempoh 2013-2017. Walau bagaimanapun Malaysia hanya mengimport arang batu dari Korea Utara pada tahun 2017 sebanyak 6.34 juta tan bersamaan RM3.35 juta di dalam tempoh Januari hingga Mei 2017.